

SULIT

**PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK SPM
TAHUN 2011**

MATA PELAJARAN

PENDIDIKAN ISLAM 1

**MAJLIS PENGETUA-PENGETUA SELURUH MALAYSIA
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

**AKTIVITI PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK
SPM 2011**

1223/1

**Pendidikan Islam
Kertas 1
Ogos 2011
2 jam**

Dua Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Bahagian A mengandungi 40 soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan di halaman 13 .*
3. *Bahagian B mengandungi empat soalan subjektif. Jawab tiga soalan: Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan berikutnya. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam helaian tambahan yang disediakan.*
4. *Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada ruangan yang disediakan di halaman 13.*
5. *Ceraikan kertas jawapan di halaman 13 daripada kertas soalan. Ikat kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah

Bahagian A

[40 markah]

Jawab semua soalan


Soalan 1 hingga Soalan 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Hitamkan jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.

- Mengunjungi kubur yang dianggap keramat.
- Mempercayai binatang tertentu boleh membawa tuah atau sial.

1. Pernyataan di atas merujuk kepada contoh perbuatan
 - A Sihir
 - B Kufur
 - C Syirik
 - D Khurafat

2. Berikut adalah akibat minum arak terhadap individu
 - A Menjadi mundur kerana anggotanya tidak proaktif
 - B Dipandang hina kerana ahlinya berakhlak buruk
 - C Lalai daripada mengingati Allah
 - D Masyarakat menjadi mundur



3. X dalam rajah di atas merujuk kepada pengertian
 - A Mengumpat
 - B memfitnah
 - C menghina
 - D menipu

SULIT

3

1223/1

4. Antara berikut yang manakah amalan yang boleh mengurangkan iman?

- I Melazimi perbuatan mungkar
- II Mempelajari ilmu tentang Allah
- III Mendirikan solat dalam keadaan malas
- IV Memperbanyakkan amalan-amalan sunat

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

- Al-Quran mempunyai makna zahir dan batin
 - Hanya difahami oleh imam mereka sahaja

5.

Pernyataan di atas merujuk kepada pandangan

- A Ahli Sunnah Wal Jamaah
- B Syiah Imamiah
- C Syiah Batiniyah
- D Khawarij

6. Berikut adalah hikmah diharuskan berhutang **kecuali**

- A membantu orang susah
- B mengelakkan daripada sikap malas
- C Meningkatkan taraf ekonomi orang miskin
- D Menggalakkan penindasan pihak yang kaya

7. Antara yang berikut, yang manakah benar mengenai konsep berkemampuan dalam ibadat haji ?

- A Cukup umur
- B Berakal waras
- C Ada kesempatan masa
- D Ada wang untuk perjalanan pergi

[Lihat halaman sebelah

SULIT

4

1223/1

8. Pilih pernyataan yang **tidak** benar mengenai syarat-syarat mengambil upah haji
- A dilakukan oleh seorang lelaki
 - B mempunyai kesihatan yang baik
 - C telah melakukan haji untuk dirinya
 - D memenuhi syarat mengambil upah haji
9. Antara yang berikut, yang manakah merupakan tanggungjawab suami?
- I memberi nafkah zahir dan batin
 - II memelihara dan mendidik anak-anak
 - III memelihara kehormatan diri
 - IV memberi didikan yang baik
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- Peringatan kepada suami supaya bertanggungjawab kepada rumah tangga.
- Hak isteri membuat tuntutan pembatalan perkahwinan melalui undang-undang

10. Pernyataan di atas merujuk kepada hikmah
- A Idah
 - B Talak
 - C Fasakh
 - D Khuluk
11. Perkara berikut adalah syarat-syarat berpoligami **kecuali**
- A berkemampuan dari segi jasmani dan kewangan
 - B tidak melebihi empat isteri dalam satu masa
 - C berkemampuan memberi kasih sayang
 - D boleh berlaku adil

SULIT

5

1223/1

12. Anak angkat boleh mendapat harta melalui cara berikut **kecuali**
- A Hibbah
 - B Wasiat
 - C Hadiah
 - D Pusaka
13. Bidang kuasa Mahkamah Syariah di Malaysia membicarakan dan menghukum kes berkaitan
- A bunuh
 - B wasiat
 - C juvana
 - D mencuri
14. Ciri-ciri kepimpinan Khulafa al-Rasyidin ialah
- I Golongan yang bijaksana
 - II pemerintahan bercorak warisan
 - III bersedia menerima pandangan rakyat
 - IV menggunakan harta negara untuk kepentingan sendiri
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
15. Antara berikut yang manakah usaha kerajaan Bani Umayyah untuk mengukuhkan ekonomi negara ?
- A Menubuhkan perpustakaan
 - B Mengemaskini angkatan tentera
 - C Melaksanakan penyelidikan pertanian
 - D Membina tempat beribadat seperti masjid

[Lihat halaman sebelah

SULIT

6


1223/1

16. Antara faktor kemerosotan kerajaan Bani Abbasiyah ialah

- I kelemahan pemerintahan
- II berlakunya perebutan kuasa
- III rakyat hidup dalam kemewahan
- IV sikap tentera yang lalai menjalankan tugas

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

17. Berdasarkan carta di bawah, pernyataan yang manakah **tidak** benar mengenai adab menziarahi jenazah?



18. Kewajipan memelihara alam sekitar ialah untuk

- A kepentingan dan keselamatan negara
- B menjamin kesejahteraan di hari akhirat
- C kesenangan dan kemewahan hidup di dunia
- D mengekalkan keindahan, kebersihan dan keasliannya

SULIT

7

1223/1**19.**

- Kembali kepada ajaran Islam yang sebenar
- Mempelajari ilmu naqliah dan aqliah
- Menolak taklid buta

Pernyataan di atas adalah saranan Syeikh Muhammad Abduh dalam bidang

- A akidah
- B jasmani
- C pentadbiran
- D integrasi ilmu

20. Hasil karya HAMKA dalam bidang kesusasteraan ialah

- A Falsafah idealogi Islam
- B Pedoman Mubaligh Islam
- C Pandangan Hidup Muslim
- D Mandi Cahaya di Tanah Suci

[Lihat halaman sebelah

Soalan 21 hingga Soalan 40.*Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai*

21. Ingkar atau menafikan rukun iman dan menolak syariat yang di bawa oleh Rasulullah SAW ialah pengertian _____ .
22. Seseorang itu boleh menjadi murtad melalui iktikad, _____ dan perbuatan.
23. _____ ialah kanak-kanak yang kematian bapa sebelum umur baligh.

Soalan 24 berdasarkan carta di bawah.

24.

Peperangan di antara orang Islam dengan orang kafir bagi mempertahankan kesucian Islam
--

Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian _____ .

25. Umrah ialah menziarahi Baitullah al-Haram di Mekah kerana mengerjakan ibadat-ibadat tertentu, pada _____ dengan mengikut syarat-syarat tertentu.


Soalan 26 berdasarkan carta di bawah.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Jawatan imam adalah jawatan yang dianugerah oleh Allah • Imam-imam di anggap maksum tetapi tidak mendapat wahyu • Layak disandang oleh dua belas imam daripada kalangan Ahlul Bait |
|--|

26. Pernyataan di atas adalah merujuk kepada pendapat Syiah _____ .
27. Orang yang tidak taat kepada Allah SWT dan Rasul-Nya dengan melakukan dosa besar atau berterusan melakukan dosa kecil di kenali sebagai _____ .
28. Hukum menghadiri walimatularus adalah _____ sekiranya tiada uzur syar'ei seperti sakit dan jarak terlalu jauh.


29. Isteri haram menceritakan keaiban suami dan _____ rumahtangga kepada orang lain.
30. Rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri ialah _____

Soalan 31 berdasarkan carta di bawah.



X dalam carta di atas ialah _____.

Soalan 32 berdasarkan carta di bawah



Y dalam carta di atas ialah _____

33. _____ ialah cukai tanah yang dikenakan ke atas pemilik Islam atau bukan Islam.
34. Pada tahun 656 Hijrah, Kerajaan Bani Abbasiyah telah ditawan oleh tentera Moghul dari arah timur yang dipimpin oleh _____.
35. Khalifah al-Muktadid Billah telah menjadikan _____ sebagai institusi untuk para ulama bermuzakarah dan menyampaikan ilmu .

[Lihat halaman sebelah

SULIT

10

1223/1

36. Perbuatan _____ ke atas jenazah diharamkan kerana boleh menyeksa roh si mati.
37. Tempat rekreasi yang terbaik ialah tempat yang dapat mencergaskan fizikal dan _____ serta mengingatkan kita kepada Allah SWT.
38. Pencemaran alam berlaku kerana perasaan _____ dan keinginan manusia untuk mendapat keuntungan yang banyak.
39. Sheikh Mohammad Abduh telah menyampaikan idea Islahnya melalui penerbitan akhbar, jawatan yang disandang dan _____ .

Soalan 40 berdasarkan rajah di bawah

- Digelar dengan Amirul Mukminin di kalangan Ahli Hadis
- Karya agungnya ialah Sohih al-Bukhari

40. Pernyataan di atas merujuk kepada tokoh _____ .

SULIT

11

1223/1**Bahagian B****[60 markah]****Jawab tiga soalan: Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan berikut.**

- 1 (a) Syirik adalah perkara yang membatalkan iman.
- (i) Apakah maksud syirik ? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** punca berlakunya perbuatan syirik dalam masyarakat. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** usaha yang perlu anda lakukan untuk mengelakkan amalan tersebut daripada berleluasa dalam masyarakat. [4 markah]
- (b) Zina merupakan salah satu dosa besar yang mesti dihindari.
- (i) Nyatakan **dua** sebab berlakunya perbuatan zina dalam kalangan remaja. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan perbuatan zina terhadap individu. [4 markah]
- (c) (i) Apakah maksud kemanisan iman. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** bukti seseorang muslim itu memperolehi kemanisan iman. [4 markah]
- 2 (a) (i) Apakah maksud korban ? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** syarat binatang yang boleh dijadikan korban. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** perbezaan di antara ibadat korban dengan akikah. [4 markah]
- (b) Talak merupakan perkara yang halal tetapi dibenci oleh Allah.
- (i) Nyatakan hukum talak sekiranya seorang suami menceraikan isterinya ketika dalam keadaan haid. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kebaikan talak terhadap pasangan suami isteri. [4 markah]
- (iii) Encik Aswad telah menceraikan isterinya kali yang ketiga.
Apakah kesan terhadap hubungan mereka sebagai suami isteri ? [2 markah]
- (c) Anak angkat ialah anak yang dipelihara oleh bukan ibu bapa kandungnya.
Jelaskan **dua** peraturan pengambilan anak angkat. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

12

1223/1

- 3 (a) Kerajaan Bani Umayyah telah memberi sumbangan yang besar kepada tamadun Islam.
- (i) Nyatakan **dua** tokoh ulama' yang terkenal pada zaman ini. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** faktor yang mendorong kepada perkembangan pendidikan pada zaman tersebut. [4 markah]
- (b) Jamaluddin al-Afghani merupakan tokoh pembaharuan dan gerakan Islam.
- (i) Namakan idea pembaharuan yang dipelopori oleh tokoh di atas. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** sebab seseorang itu perlu melakukan pembaharuan seperti yang dikehendaki oleh tokoh tersebut. [4 markah]
- (c) Amar makruf nahi munkar merupakan tuntutan Islam kepada umatnya.
- (i) Senaraikan **dua** contoh amar makruf yang boleh dilakukan di sekolah anda. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** adab melaksanakan amar makruf terhadap warga sekolah. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** cara yang boleh anda lakukan terhadap rakan yang terlibat dengan perbuatan mungkar di sekolah. [4 markah]
- 4 (a) Penyebaran Islam berkembang pesat pada Zaman Bani Abbasiyyah.
- (i) Nyatakan **dua** faktor luaran yang membantu penyebaran Islam pada Zaman Bani Abbasiyyah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan positif penyebaran Islam terhadap akidah umat Islam pada zaman tersebut. [4 markah]
- (b) Imam Malik r.a merupakan pengasas Mazhab Maliki.
- (i) Nyatakan **dua** sifat peribadi beliau yang boleh dicontohi. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** bukti Imam Malik r.a sangat memuliakan Rasulullah S.A.W ketika hayatnya. [4 markah]
- (c) Berjihad menghapuskan kezaliman dan kemungkaran merupakan salah satu daripada peringkat jihad menurut pandangan Ibnu Qayyim al-Jauziah.
- (i) Nyatakan **dua** peringkat jihad selain daripada yang dinyatakan di atas. [2 markah]
- (ii) Jelaskan kelebihan orang yang berjihad di jalan Allah. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** adab yang perlu diamalkan ketika berjihad. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT**1223/1****SULIT**

KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

NO. KAD PENGENALAN

ANGKA GILIRAN

					-									
--	--	--	--	--	---	--	--	--	--	--	--	--	--	--

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

- 1 (A) (B) (C) (D) 21 _____
- 2 (A) (B) (C) (D) 22 _____
- 3 (A) (B) (C) (D) 23 _____
- 4 (A) (B) (C) (D) 24 _____
- 5 (A) (B) (C) (D) 25 _____
- 6 (A) (B) (C) (D) 26 _____
- 7 (A) (B) (C) (D) 27 _____
- 8 (A) (B) (C) (D) 28 _____
- 9 (A) (B) (C) (D) 29 _____
- 10 (A) (B) (C) (D) 30 _____
- 11 (A) (B) (C) (D) 31 _____
- 12 (A) (B) (C) (D) 32 _____
- 13 (A) (B) (C) (D) 33 _____
- 14 (A) (B) (C) (D) 34 _____
- 15 (A) (B) (C) (D) 35 _____
- 16 (A) (B) (C) (D) 36 _____
- 17 (A) (B) (C) (D) 37 _____
- 18 (A) (B) (C) (D) 38 _____
- 19 (A) (B) (C) (D) 39 _____
- 20 (A) (B) (C) (D) 40 _____

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah diperoleh
A	1 hingga 40	40	
B	1	20	
	2	20	
	3	20	
	4	20	
Jumlah		100	